

20/04/2004

Pengalaman Dr M memanfaatkan Proton

By Azman Zakaria; Ridzuan Yop

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pelantikan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai penasihat Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) adalah bagi membolehkan pengeluar kereta nasional itu mendapatkan pandangan, idea dan nasihat daripada beliau.

Perdana Menteri berkata, ini kerana Dr Mahathir mempunyai pengetahuan yang luas mengenai Proton kerana beliau sudah terbabit dengan syarikat itu sejak awal penubuhannya.

"Tun (Dr Mahathir) sudah terbabit dengan Proton sejak awal. Beliau memainkan peranan dalam merealisasikan projek kereta nasional itu dan sentiasa mengikuti perkembangannya.

"Sebagai Perdana Menteri (ketika penubuhan Proton), tentunya Tun (Dr Mahathir) mempunyai pengalaman dan banyak idea yang yang boleh disumbangkannya," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Untuk Ahli Parlimen Kerajaan dan melancarkan Kod Etika Bagi Ahli Parlimen Kerajaan, di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Bukit Kiara, di Kuala Lumpur, semalam.

Abdullah berkata, bagaimanapun Dr Mahathir sudah menyatakan bahawa tugasnya di Proton adalah hanya sebagai penasihat dan beliau tidak akan campur tangan dalam tugas eksekutif syarikat itu.

"Tentunya, lembaga (pengarah) mempunyai kata pemutus," katanya.

Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir sudah dimaklumkan mengenai pelantikan itu melalui sepucuk surat.

Sementara itu, Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan tidak bercadang untuk menilai kadar tambatan ringgit yang kini ditambah pada RM3.80 bagi setiap dolar Amerika Syarikat, walaupun wujud spekulasi bahawa kerajaan akan berbuat demikian.

"Siapa yang buat spekulasi ini? Kalau mereka mahu buat spekulasi mereka boleh terus membuat spekulasi. Kita tidak ada rancangan untuk menilai tambatan ringgit," katanya.

Mengenai situasi semasa di Iraq dan Palestin, Abdullah berkata, mesyuarat Persidangan Negara Islam (OIC) yang dipengerusikan Malaysia akan membincangkan cadangan yang dikemukakan anggota persidangan itu ke arah mewujudkan keamanan di kedua-dua negara terbabit.

"Saya pasti, ada banyak cadangan yang akan dibincangkan, tetapi kita akan membuat keputusan mengenainya berdasarkan yang terbaik untuk dilaksanakan," katanya.

Katanya, bagaimanapun beliau tidak mahu membuat andaian mengenai cadangan berkenaan.

Ketika ditanya sama ada negara anggota OIC akan menghantar pasukan tentera ke negara berkenaan, Perdana Menteri berkata, beliau mahukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memainkan peranan yang lebih besar.

(END)